



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT (DISEASE CONTROL DIVISION)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA (MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA)
ARAS 3,4,6,8 BLOK E10, KOMPLEKS E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590 PUTRAJAYA
MALAYSIA

No. Tel : 03-88834428 4421
No. Faks : 03-88834150
Website : http://www.dph.gov.my

Ruj. Tuan : (3) dlm KKM/BKP(PB)/04/17/161
Ruj. Kami :
Tarikh : 25 April 2008.

Pengarah Kesihatan Jabatan Kesihatan

Pengarah Hospital Kuala Lumpur
(U.P: Ketua Jabatan Rekod Perubatan)

Pengarah Institut Perubatan Respiratori
(U.P: Ketua Unit Rekod Perubatan)

Pengarah Hospital Gombak
Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
Kementerian Pembangunan Luar Bandar
(U.P: Ketua Unit Rekod Perubatan)

Y. Bhg Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PENGUNAAN APLIKASI WEB BASED E-NOTIFIKASI BAGI NOTIFIKASI PENYAKIT BERJANGKIT

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Bahagian Kawalan Penyakit bersama Unit Sistem Maklumat dan Dokumentasi serta Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi telah membangunkan aplikasi di atas dan telah mengadakan sesi latihan kepada pengguna-pengguna di seluruh negara sebagai persediaan bagi menggantikan aplikasi sistem maklumat kawalan penyakit berjangkit (CDCIS) versi 'client server'.

3. Sehubungan dengan itu, pada hari **Jumaat 2hb Mei 2008**, server aplikasi CDCIS akan diberhentikan untuk kerja-kerja pemindahan database CDCIS ke server berpusat KKM di Myloca, Cyberjaya dan semua pengguna tidak dibenarkan menggunakan aplikasi CDCIS sedia ada bagi memasukkan input borang-borang notifikasi.

4. Bermula pada hari **Ahad, 4 hb Mei 2008 (minggu epid ke 19 tahun 2008)**, semua pengguna boleh mula memasukkan input borang notifikasi penyakit berjangkit yang baru diterima ke dalam aplikasi web based e-notifikasi melalui url www.enotis.moh.gov.my. Semua pengguna-pengguna sedia ada boleh memasuki aplikasi e-notifikasi menggunakan 'user id' dan katalaluan CDCIS yang lama.


5. Mohon kerjasama pihak negeri memaklumkan perkara ini kepada semua pengguna yang terlibat di pejabat kesihatan dan hospital mengenai tarikh pemberhentian aplikasi CDCIS 'client server' dan tarikh penggunaan aplikasi web-based ini. Semua masalah yang ditemui semasa menggunakan aplikasi di atas bolehlah diemelkan kepada helpdesk@moh.gov.my.

6. Segala bantuan dan kerjasama pihak negeri sangatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' DR. HASAN BIN ABDUL RAHMAN)

Pengarah Kawalan Penyakit
Bahagian Kawalan Penyakit,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

s.k. Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Penyakit Berjangkit)

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (AIDS/STD)

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Vektor).

Timbalan Pengarah Kawalan Penyakit (Survelan).

Pengarah Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan,
Sungai Buloh, Selangor.

Timbalan Pengarah
Pusat Informatik Kesihatan,
Bahagian Perancangan dan Pembangunan,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setiausaha Bahagian
Bahagian Teknologi Maklumat Dan Komunikasi,
Kementerian Kesihatan Malaysia.

Ketua
Bilik Gerakan Crisis Preparedness and Response Center,
Bahagian Kawalan Penyakit.

Pengurus
Itrain Sdn. Bhd,
Petaling Jaya Selangor.